



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM KEKAL BUDAYA CEMERLANG, TINGKAT MUTU PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

PUTRAJAYA, 20 Jun - Seramai 649 orang pegawai dan kakitangan di jabatan dan agensi dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah diraikan pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022 yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di *Bangi Avenue Convention Centre*.

Majlis APC KPWKM tahun 2022 ini turut meraikan dan mengiktiraf sumbangan yang diberikan oleh lapan (8) orang pegawai dan kakitangan Orang Kurang Upaya (OKU), tujuh (7) daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan satu (1) orang daripada Institut Sosial Malaysia (ISM). Pengiktirafan dan penghargaan ini adalah usaha dan komitmen berterusan KPWKM terhadap sumbangan OKU dalam perkhidmatan awam dan menyokong dasar satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam yang mana pada tahun 2023, kementerian telah mencapai 1.96% daripada keseluruhan jumlah pengisian jawatan yang ada di KPWKM.

Warga KPWKM diseru untuk mengekal momentum dan sentiasa bersiap siaga untuk berhadapan dengan apa jua situasi bagi memenuhi ekspektasi dan kehendak rakyat terhadap mutu perkhidmatan awam. Justeru, kerajaan sangat memerlukan penjawat awam yang mempunyai kemahiran berfikir dan proaktif dalam merealisasikan dasar-dasar dan agenda kerajaan secara holistik.

Majlis seumpama ini merupakan pemangkin bagi mendorong warga KPWKM lebih berpotensi tinggi melalui penyampaian prestasi kerja selain bersaing secara sihat melalui penambahbaikan, berinovasi, sentiasa berusaha melakukan perubahan secara berterusan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh semua penerima ini akan menjadi contoh dan teladan kepada semua warga Kementerian serta memberi impak yang positif ke arah kecemerlangan Kementerian ini secara keseluruhan demi merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan dalam mensejahterakan rakyat dan memakmurkan negara selaras dengan salah satu nilai yang diterapkan dalam MALAYSIA MADANI.

Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YB Hajah Aiman Athirah Sabu, Timbalan Menteri KPWKM dan YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT
20 JUN 2023**